

inovasi


UPM disenaraikan universiti inovatif terbaik Malaysia

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) disenaraikan sebagai universiti inovatif terbaik di Malaysia menerusi Reuters Top 75: Asia's Most Innovative Universities, baru-baru ini, berdasarkan kecemerlangan dalam bidang sains, penciptaan teknologi baharu dan membantu memacu ekonomi global.

Menurut kenyataan media dikeluarkan UPM, universiti itu juga menduduki tangga ketiga terbaik pada peringkat Asia Tenggara dan ke-73 di Asia, disusuli Universiti Malaya (UM) di tempat ke-75.

Universiti Jepun dan Korea Selatan mendominasi 17 daripada 20 kedudukan teratas dalam pemilihan oleh Reuters itu, malah tiada universiti lain dari Asia Tenggara tersenarai kecuali Malaysia dan Singapura.

Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata pemilihan Reuters secara umum berdasarkan metodologi memfokus kepada artikel ilmiah penyelidikan asas dijalankan di universiti dan pemfailan paten yang menunjukkan usaha institusi terbabit melindungi dan mengkomersialkan inovasi.



Prof Aini Ideris

info

Reuters Top 75: Asia's Most Innovative Universities

Sebanyak 10 kriteria diambil kira

- **Jumlah** paten
- **Situs** paten
- **Kejayaan** paten
- **Patent** luar negara
- **Impak** sitasi paten
- **Peratusan** sitasi paten
- **Impak** sitasi paten kepada artikel
- **Impak** sitasi artikel industri
- **Peratusan** artikel kerjasama dengan industri
- **Jumlah** koleksi utama artikel web Sains

Reputasi antarabangsa

“Dengan penyenaraian UPM sebagai universiti inovatif terbaik di negara ini mengikut pemilihan Reuters, inisiatif Putra Global untuk UPM mencapai kedudukan 200 universiti terbaik dunia menjelang 2020 akan terus dipergiatkan.”

“Selari visi menjadi universiti dengan reputasi antarabangsa, inovasi dan penyelidikan berkualiti, UPM berusaha gigih meningkatkan tahap kecemerlangan serta memberi sumbangan bermakna untuk kebajikan masyarakat dan kemajuan negara,” katanya.

Selain laporan saintifik, Prof Aini berkata, UPM tidak mengabaikan penulisan popular bagi menyampaikan maklumat inovasi kepada rakyat dan industri dengan mengadakan sidang media purata sekali setiap bulan mengenai ciptaan atau inovasi baharu dihasilkan.